

# **KAEDAH PEMBELAJARAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI (OA) JAKUN, DI SK KAMPONG BAHRU, LENGA, JOHOR SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

*(Malay Language Reading Methods Among Jakun Aboriginal Students in SK Kampong Bahru, Lenga Johor During COVID-19 Pandemic)*

NORA'AZIAN NAHAR\* & NURUL JAMILAH ROSLY

## **ABSTRAK**

*Tiada suatu kaedah pembelajaran membaca yang didapati berkesan untuk membantu murid menguasai kemahiran membaca lebih-lebih lagi bagi murid Orang Asli (OA) yang berprestasi akademik rendah, mudah lupa, tidak bermotivasi belajar, dan hidup dalam serba kekurangan. Kajian ini dijalankan untuk menganalisis keberkesanan kaedah pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli (OA) tahap 1 akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Kajian menggunakan reka bentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data dilakukan secara pemerhatian, analisis dokumen, transkrip video dan temu bual 10 orang subjek kajian dalam kalangan murid OA, dan 6 orang informan dalam kalangan ibu bapa masyarakat OA, guru serta pentadbir Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKKB), Lenga, Johor bagi mendapatkan data primer. Hasil dapatan daripada program Guru Cilik dan pembinaan pondok bacaan oleh keluarga masyarakat OA di SKKB menunjukkan bahawa murid OA Tahun 2 dan Tahun 3 dapat menguasai kemahiran asas membaca dan termotivasi untuk hadir ke sekolah. Kerjasama erat daripada ibu bapa masyarakat OA memantau program tersebut di rumah juga merangsang mereka untuk belajar membaca. Usaha mengekalkan momentum dan minat murid OA perlu dimantapkan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka bagi meneruskan kelangsungan hidup tanpa mengesampingkan budaya tradisional mereka.*

*Kata Kunci: Guru Cilik; Membaca; Motivasi; Orang Asli; Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)*

## **ABSTRACT**

*There is no method of learning to read that has been found to be effective in helping students master reading skills, especially for Orang Asli (OA) students who have low academic achievement, forget easily, are not motivated to learn, and live in poverty. This study was conducted to analyse the effectiveness of learning to read Malay language among Orang Asli (OA) Year 1 students during the Movement Control Order (MCO) in Malaysia. The study used a qualitative design. The data collection method was done through observations, document analysis, video transcripts and interviewing 10 research subjects among OA students, and 6 informants among OA community parents, teachers and administrators of Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKKB), Lenga, Johor to obtain primary data. The findings from the 'Guru Cilik' program and the construction of reading huts by families of the OA community at SKKB show that Year 2 and Year 3 OA students can master basic reading skills and are motivated to attend school. The close cooperation of the parents of the OA community*

*monitoring the program at home also stimulates them to learn to read. Efforts to maintain the momentum and interest of OA students need to be strengthened to improve their academic achievement in order to continue survival without putting aside their traditional culture.*

*Keywords: 'Guru Cilik'; Reading; Motivation; Indigenous people; Movement Control Order (MCO)*

## PENGENALAN

Murid-murid masyarakat Orang Asli (OA) Jakun lebih mementingkan kehidupan di dalam kelompok masyarakat dan di sekeliling mereka sahaja. Mereka mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam apa-apa juga tindakan. Akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan Malaysia bermula pada 18 Mac 2020 kaedah pembelajaran murid-murid mula berubah. Kelas secara bersemuka telah diganti dengan kelas secara dalam talian. Bagi murid anak-anak orang asli telah mula terabai disebabkan ketiadaan peranti dan liputan Internet. Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tiada sesiapa pun yang dibenarkan memasuki perkampungan mereka walaupun guru-guru dari sekolah. Hal ini menyebabkan murid terutamanya tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3) yang belum menguasai asas membaca bahasa Melayu dan murid Tahap 2 yang sememangnya kurang motivasi belajar terus kehilangan semangat untuk belajar.

Dapatan daripada kajian lepas mendapati murid-murid OA dilihat suka belajar dengan rakan sebaya (Dunn & Dunn 1979). Dalam pembelajaran, mereka lebih suka jika rakan mereka yang mengajar kembali atau ibu dan bapa mereka yang mengajar berbanding dengan guru (Nurul Jamilah et al. 2021). Jadi, disebabkan pandemik, ibu bapa atau ahli keluarga mereka terpaksa mengambil peranan ini bagi membantu anak-anak mereka untuk menguasai kemahiran asas dalam bahasa Melayu iaitu membaca. Hal ini, bertepatan dengan Teori Sosiobudaya Vyotsky yang menyatakan bahawa kerangka konseptual yang meneroka cara keluarga menyampaikan kemahiran, pengetahuan dan nilai melalui proses interaksi sosial (Haney & Hill 2004). Kajian ini ingin melihat peranan bantuan ataupun sokongan daripada ibu bapa terhadap literasi kanak-kanak agar kanak-kanak memperoleh kemahiran pemunculan literasi berdasarkan pandangan Vygotsky yang mementingkan bantuan orang dewasa bagi membolehkan kanak-kanak memperoleh kemahiran sepenuhnya. Permasalahannya, ibu bapa mereka sendiri tidak boleh membaca dan menulis. Apakah kaedah yang digunakan bagi menjelaskan peranan ibu bapa untuk membantu perkembangan kanak-kanak OA sepanjang PKP tempoh hari.

Sebenarnya, tidak ada suatu kaedah pembelajaran tertentu bagi murid yang dianggap sebagai pembaca kurang mahir atau mahir dapat ditentukan berkesan atau membantu murid membaca. Penentuan sesuatu kaedah yang sesuai bergantung kepada guru atau murid itu sendiri, berdasarkan bahan yang dibaca, kemampuan murid membaca dan pengajaran aspek tertentu atau persekitaran semasa (Mahzan Arshad 2016). Namun, kesungguhan usaha daripada pihak sekolah dengan pihak ibu dan bapa murid OA perlu dilakukan sepanjang PKP untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah dapat dijalankan oleh ibu bapa atau ahli keluarga bagi menggantikan tugas guru di sekolah. Berdasarkan kaedah membaca yang digariskan oleh Mahzan Arshad (2016) iaitu kaedah membaca bebas, kaedah membaca berkoperatif, kaedah membaca dengan bantuan guru, kaedah membaca secara berkongsi, kaedah membaca lantang dan pendapat-pendapat daripada ahli akademik, program Guru Cilik dirancang untuk murid OA di Perkampungan Lenga, Johor.

Berdasarkan kajian lapangan didapati murid OA bersikap rendah diri, mudah lupa, dan tidak berminat untuk hadir ke sekolah akibat tidak menguasai kemahiran asas membaca. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan penggunaan pelbagai

kaedah dalam kelangsungan proses pembelajaran membaca terutama bagi murid OA yang serba kekurangan kerana tidak memiliki rangkaian Internet, ketiadaan komputer, telefon bimbit dan peranti yang dapat digunakan untuk mengikuti kelas secara dalam talian.

## KAJIAN LITERATUR

Pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid-murid OA membuktikan ketidakmampuan mereka menguasai kemahiran asas dalam membaca (Norwaliza Abdul Wahab et al. (2016). Hal ini disokong dengan dapatan kajian Nur Bahiyah Abdul Wahab et al. (2015) yang mendapati murid OA juga mengalami kesukaran memahami pelajaran di sekolah yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dan mereka mudah lupa perkara yang telah dipelajari. Dapatan kajian Muizzuddin et al. (2018) pula menunjukkan keadaan sebenar sifat murid OA adalah kerana mereka kurang berminat untuk ke sekolah atau melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi. Kebanyakan mereka menganggap sekolah hanya tempat untuk bermain dan makan-makan sahaja. Hasil dapatan kajian beliau juga menunjukkan bahawa murid OA amat ketinggalan dalam pelajaran dalam semua subjek akibat daripada latar belakang keluarga mereka yang berprestasi pendidikan yang rendah. Mereka juga beranggapan bahawa pendidikan tidak penting dan mereka hanya menekankan cara hidup yang mudah, sekadar meneruskan hidup tanpa memikirkan perancangan masa hadapan. Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku adalah kerana lokasi penempatan masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya jauh di pedalaman menyebabkan darjah kebolehpasaran kepada kemudahan pendidikan agak rendah (Mazdi Marzuki et al. 2014).

Walaupun guru telah mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat belajar dalam kalangan murid-murid OA (Wahab & Ramlee Mustapha 2015) namun murid OA amat sukar untuk terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan kajian Norwaliza Abdul Wahab & Ramlee Mustapha (2015), guru dicadangkan untuk menerapkan elemen budaya masyarakat OA bagi meningkatkan penglibatan mereka. Pedagogi yang digunakan juga perlu bersesuaian dengan budaya dan keperluan murid OA bagi meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Haslinda et al. (2015) pula menyarankan agar menggunakan kaedah bermain sebagai medium pengajaran yang berkesan. Anak-anak OA menyukai pendidikan tidak formal khasnya yang menawarkan kebebasan melakukan aktiviti mencabar dengan alam sekeliling. Dapatan kajian Eva Luthfi (2020) pula mendapati ibu bapa memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak sewaktu sesi pembelajaran secara dalam talian terutama anak-anak di sekolah rendah dan TADIKA Sepanjang pandemik COVID-19.

Jelasnya, berdasarkan cadangan daripada pengkaji lepas dan dapatan kajian lepas yang menunjukkan murid OA suka belajar secara tidak formal bersama dengan rakan sebaya berbanding dengan pengajaran guru, ditambah pula akibat dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghalang masyarakat luar memasuki kawasan perkampungan masyarakat Orang Asli, kajian perlu dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut. Selain itu, kajian ingin dilakukan bagi memberikan nilai tambah kepada dapatan kajian Ruslan Abdullah (2018) terhadap program LINUS murid orang asli dan bagi mencapai matlamat Pembangunan Lestari yang menekankan pendidikan kepada semua menjelang 2030 selaras dengan matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Kajian hanya memfokuskan murid Tahun 2 dan Tahun 3 di SK Kampong Bahru, Lenga, Johor bersandarkan Teori Pembelajaran Vygotsky (1934).


## Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh murid OA untuk menguasai asas kemahiran membaca dalam bahasa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menerangkan prosedur yang digunakan untuk mengumpul data kajian ini. Reka bentuk yang digunakan ialah kualitatif. Langkah pelaksanaannya adalah seperti di carta aliran Rajah 1.



Rajah 1: Reka bentuk Kajian

Empat kaedah digunakan bagi menyempurnakan kajian ini iaitu kaedah pemerhatian di lapangan, kaedah temu bual, kaedah transkrip video dan analisis dokumen.

Proses pengumpulan data terpaksa diteruskan secara alternatif menggunakan panggilan telefon, aplikasi WhatsApp dan Telegram daripada informan akibat PKP yang disambung semula di Malaysia. Selain itu, ibu bapa atau ahli keluarga terpaksa merakam video setiap sesi pembelajaran anak-anak mereka untuk dianalisis bagi melengkapkan kajian ini seperti di carta aliran Rajah 1. Sebelum PKP penyelidik melakukan pemerhatian di lapangan sewaktu pihak sekolah mengadakan program Guru Cilik pada 11 April 2021 di Dewan Seminar Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKKB). Setelah tamat PKP dan sekolah dibuka semula, penyelidik bertemu dengan guru yang terlibat dengan program Guru Cilik di Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKKB). Laporan data ini merupakan hasil temu bual secara bersemuka dengan pihak sekolah dan analisis dokumen turut dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang sahih. Murid Orang Asli yang terlibat dengan program Guru Cilik juga turut ditemu bual untuk menguji pencapaian kemahiran membaca murid OA selepas program Guru Cilik dilaksanakan.

Sesuatu hasil dapatan temu bual perlu dianalisis menggunakan pengekodan terbuka dan hasil temu bual tersebut perlu diperiksa, dibandingkan dan dikategorikan mengikut data (Creswell 2009). Dalam kajian ini semua maklumat yang diperolehi melalui temu bual dengan informan diperdengarkan semula melalui video-video yang dikongsikan dan membandingkan dengan catatan yang telah dijalankan. Penganalisisan data temu bual dilakukan secara manual mengikut soalan-soalan yang telah dikemukakan.

### Subjek Kajian

Sebanyak 10 orang subjek kajian dari Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru telah dipilih untuk penyelidikan ini. Seramai 5 orang murid OA dari Tahun 2 dan seorang guru cilik telah dipilih dalam kalangan Murid Tahun 2 yang boleh membaca untuk membimbing rakan-rakan mereka. Jumlah murid yang sama juga telah dipilih dari kumpulan murid Tahun 3 dan seorang guru cilik telah dipertanggungjawabkan untuk menjayakan program ini. Jumlah bagi kedua-dua tahap ialah seramai 5 orang murid perempuan termasuk kedua-dua orang guru cilik manakala lelaki juga seramai 5 orang. 2 orang murid lelaki dari Tahun 2 manakala 3 orang lagi dari Tahun 3. Bagi mendapatkan kesahihan data, penyelidik turut mendapatkan maklumat daripada ibu bapa, Tok Batin, guru SKKB yang mengajar di kelas pemulihan bahasa Melayu dan Guru Besar SKKB yang bertindak sebagai pemantau dan penyelarasan program.

Berikut merupakan informan yang dirujuk untuk mendapatkan maklumat subjek kajian. Nama-nama yang tercatat di Jadual 1 bukanlah nama sebenar informan.

JADUAL 1 Butiran informan

<b>Informan</b>	<b>Umur</b>	<b>Hubungan</b>	<b>Tugas</b>
Puan Nora	44	Ibu kepada murid Tahun 3	Memantau murid Kumpulan guru cilik Tahun 3
Puan Ketik	42	Ibu kepada guru cilik Tahun 2	Memantau murid Kumpulan Guru Cilik Tahun 2
Tok Batin	50	Ketua bagi penduduk di Perkampungan Orang Asli Kampung Sentosa, Lenga	Mengarahkan penduduk kampung dan memantau semua aktiviti di Perkampungan tersebut.
Ibu Aini- Guru Cilik Tahun 3	40	Ibu kepada guru cilik Tahun 3	Memantau segala aktiviti dan program membaca yang diadakan di rumah guru cilik.
Cikgu BM (SKKB)	32	Guru sekolah tempat murid-murid OA belajar secara formal	Menyediakan bahan PdP yang akan digunakan oleh guru cilik bagi program membaca sepanjang Pandemik COVID-19.
Guru besar (SKKB)	45	Guru Besar sekolah tempat murid-murid OA belajar	Memberikan laporan hasil dapatan daripada program guru cilik dan pembinaan pondok bacaan.

### Instrumen Kajian

Data diperolehi menggunakan instrumen perbualan antara penyelidik dengan informan kajian. Setiap perbualan melalui telefon, maklumat yang ditulis oleh informan di dalam aplikasi Whatsapp dan perkongsian video-video pendek melalui Telegram sepanjang pembelajaran membaca program Guru Cilik dijalankan akan ditranskrip. Menurut Teo Kok Seong (2021) apabila sesi pembelajaran dirakam, bentuk bahasa tidak seperti yang biasa digunakan namun dalam kajian ini oleh sebab video dirakam oleh ahli keluarga mereka sendiri menyebabkan mereka lebih selesa dan menjadikan kelas lebih santai. Berdasarkan video-video yang telah


dikongsikan oleh informan yang terdiri daripada ahli keluarga masyarakat murid OA sendiri yang memantau, program membaca bahasa Melayu anak-anak OA ini, didapati mereka sangat gembira dan menghadiri kelas dengan suasana yang bersahaja semasa PKP. Penyelidik juga menggunakan maklumat yang dikongsikan oleh guru di sekolah dan menganalisis dokumen-dokumen prestasi murid OA (kelas peralihan) untuk menulis laporan kajian.

### Kaedah Pengumpulan Data

Setelah kelulusan untuk menjalankan kajian diperoleh, penyelidik terus menghubungi pihak Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKKB), Lenga, Johor dan Tok Batin bagi mewakili masyarakat OA (Jakun) di Perkampungan Orang Asli Sentosa, Lenga, Johor. Pihak sekolah telah mengatur perjumpaan secara bersemuka dengan penyelidik-penyelidik daripada Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), murid-murid OA tahap 1 (Tahun 2 dan Tahun 3) dan wakil daripada pihak ibu bapa murid OA. Tujuan perjumpaan bagi melancarkan program guru cilik dan pondok bacaan di kawasan SKKB. Penyelidik turut mengadakan pertemuan dengan wakil ibu bapa murid OA bagi tujuan mendapatkan nombor telefon dan urusan pengumpulan data seterusnya.

Informan yang telah bersetuju untuk memantau dan mengendalikan program Guru Cilik bagi murid Tahun 2 dan Tahun 3 akan mengatur perjumpaan di rumah guru cilik. Kebiasaannya kelas membaca bahasa Melayu diadakan antara pukul 4.00 hingga 5.00 petang setelah ibu atau bapa ahli keluarga murid OA selesai menjalankan pekerjaan harian mereka pada waktu pagi. Semasa guru cilik membimbing rakan sebaya mereka membaca, informan akan merakam sesi pembelajaran dan video-video tersebut akan dihantar secara berasingan melalui aplikasi Telegram kepada guru-guru yang mengajar kelas pemulihan di SKKB dan pihak guru akan mengongsikan video-video tersebut dengan penyelidik.

Guru cilik akan menggunakan bahan pengajaran seperti kad imbasan dan modul-modul yang disediakan oleh pihak sekolah sepanjang program tersebut dijalankan semasa PKP. Guru cilik juga akan menggunakan papan putih, alat-alat tulis dan buku-buku yang disumbangkan oleh pihak Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM), Universiti Islam Antarabangsa Kampus Pagoh semasa Program Guru Cilik diadakan.



Rajah 2: Kerangka Teori Kajian

Rajah 2 menunjukkan Kerangka teori kajian Pembelajaran Membaca Teori Vygotsky (1886 - 1934). Berdasarkan Teori Vygotsky empat prinsip akan diberikan perhatian dalam kajian ini. Prinsip pertama, kanak-kanak perlu membina pengetahuan dari konteks sosial kepada konteks individu. Kedua, perkembangan kanak-kanak tidak dapat dipisahkan daripada konteks sosial. Ketiga, Zon Perkembangan Terdekat (ZPT) perlu diambil kira dalam perkembangan mental kanak-kanak. Keempat, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan mental kanak-kanak. Perbincangan dalam makalah ini dihadkan hanya peringkat permulaan membaca iaitu tahap 1.

## DAPATAN KAJIAN

Daripada penelitian rakaman video, hasil temu bual dan analisis dokumen menunjukkan murid Kumpulan Tahun 2 dan Tahun 3 menggunakan kaedah membaca dengan bantuan guru cilik yang dilantik oleh pihak sekolah. Guru cilik membimbing rakan-rakannya membaca menggunakan kad-kad imbasan. Daripada pemerhatian melalui video yang disertakan, apabila guru cilik menunjukkan kad imbasan, rakan-rakannya akan menyebut mengikut langkah demi langkah. Contohnya, guru cilik memperkenalkan huruf-huruf yang terdapat dalam kad imbasan seperti huruf (u,n,g,u), (t,e,m,b,i,k,a,i). Seterusnya, rakan-rakannya akan menyebut mengikut suku kata. Contohnya, perkataan (ma/ta), (hi/jau / mu /da), (hi/ jau /tu/ a), (o/ bor), (ar /nab), (da/un) dan sebagainya. Bermula dengan contoh satu suku kata, (mop, cat, zip) dua suku kata (cik/gu, o/tak, pin/tu), dan tiga suku kata (cen/da/wan, pe/lam/pung, straw/be/ri). Langkah seterusnya guru cilik meminta rakan-rakannya menyebut perkataan, mengeja mengikut suku kata, dan membatang perkataan yang terdapat di dalam set-set kad imbasan yang disediakan oleh pihak sekolah. Guru cilik akan memilih rakan-rakannya secara bergilir-gilir untuk membaca dan diminta mereka membaca berulang-ulang kali sehingga betul sebutannya.

Selain itu, guru cilik menggunakan kaedah membaca secara berkongsi ‘pengalaman berkongsi buku’ (Holdaway 1979) dalam Mahzan Arshad (2016). Kaedah ini memberikan peluang kepada murid yang lebih mahir menjadi model kepada murid yang kurang mahir. Murid yang kurang mahir akan cuba mengikut murid yang mahir membaca sehingga dapat menguasai semua kemahiran membaca dalam bahasa Melayu. Guru cilik akan mula membaca perkataan manakala rakan-rakan dalam kumpulan akan membaca mengikut perkataan yang disebut oleh guru cilik. Hasil dapatan menunjukkan cara yang paling sesuai bagi membantu murid OA memahami sesuatu perkataan itu adalah dengan membaca secara lantang bahan tersebut bersama-sama. Cara ini juga dapat membantu menggerakkan pengalaman murid dan membina istilah latar dan konsep yang terdapat dalam bahan bacaan bagi tujuan berseronok atau pelbagai variasi. Kumpulan murid Tahun 2 dan Tahun 3, bukan sahaja diberikan kad imbasan, modul khas Bahasa Melayu untuk kelas pemulihan, tetapi juga diberikan buku cerita yang mengandungi imej berwarna dengan pecahan suku kata. Setelah selesai membaca berulang-ulang kali mereka akan memilih perkataan dan menulisnya di papan putih. Kaedah membaca secara berkongsi dan membaca lantang kerap digunakan oleh murid yang baru belajar asas membaca terutama pada tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3).



Rajah 3: program Guru Cilik bagi murid Tahun 2 dan Tahun 3 yang diadakan di rumah guru cilik.

Berdasarkan temu bual dan analisis dokumen yang dikongsikan oleh guru pembimbing kelas pemulihan di SKKB hasil daripada program Guru Cilik empat daripada lima orang murid OA Tahun 2 telah berjaya melepasi sekurang-kurangnya kemahiran membaca (24-28) dengan konstruk LINUS K6 namun masih ada seorang subjek yang masih belum mengenali abjad disebabkan masalah kehadiran. Keempat-empat subjek kajian murid OA berjaya memasuki kelas perdana pada sesi persekolahan akan datang. Pencapaian direkodkan berdasarkan Instrumen Pelepasan Bahasa Melayu Pemulihan seperti Jadual 2.

Jadual 2. Pencapaian Murid Tahun 2

Bil	Subjek Kajian	Tahun 2	Pencapaian Kemahiran Membaca
1	Subjek 1	Guru Cilik	Kemahiran 32 : Konstruk LINUS K12 Markah penuh 155/155 (cemerlang)
2.	Subjek 2	Perempuan	Kemahiran 24-28 :Konstruk LINUS K6 Markah : 110 /155 (lulus)
3.	Subjek 3	Perempuan	Kemahiran 24-28 :Konstruk LINUS K6 Markah : 110 /155 (lulus)
4.	Subjek 4	Lelaki	Kemahiran 13 -15 :Konstruk LINUS K5 Markah : 75 / 155. (lulus)
5.	Subjek 5 (integrasi Melayu dan orang asli)	Lelaki	Kemahiran 5-7 : Konstruk LINUS K3 Markah : 10 / 155 (gagal)

Pencapaian murid Tahun 3 tidak banyak perbezaan dengan pencapaian murid Tahun 2. Hanya masih kedapatan seorang lagi murid Tahun 3 iaitu subjek 5 yang merupakan calon pendidikan berkeperluan khas masalah pembelajaran. Walau pun perkataan disebut berulang-ulang namun Subjek 5 tidak dapat menguasainya dan menulis dengan huruf terbalik. Menurut guru pemulihan SKKB lagi, walau bagaimanapun, bagi subjek 3 dan subjek 4 layak untuk diserapkan ke kelas arus perdana Tahun 4 kerana mereka telah menguasai K6 iaitu faham dan tahu membina ayat, serta faham maksud ayat. Kedua-duanya telah melepasi 3 kemahiran 2 konstruk. Mereka boleh menyebut suku kata terbuka (huruf vokal), suku kata terbuka konstruk 4. Mereka berdua boleh membaca namun perlukan bimbingan guru lagi. Pencapaian Murid OA Tahun 3 adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3. Pencapaian Murid Tahun 3

Bil	Subjek Kajian	Tahun 3	Pencapaian Kemahiran Membaca
1	Subjek 1	Guru Cilik	Kemahiran 32 : Konstruk LINUS K12 Markah penuh 155/155 (Cemerlang)
2.	Subjek 2	Perempuan	Kemahiran 24-28 :Konstruk LINUS K6 Markah : 110 /155 (lulus)
3.	Subjek 3	Lelaki	Kemahiran 24-28 :Konstruk LINUS K6 Markah : 110 /155 (lulus)
4.	Subjek 4	Lelaki	Kemahiran 13 -15 :Konstruk LINUS K5 Markah : 75 / 155 (lulus)
5.	Subjek 5 (calon pendidikan Khas)	Lelaki	Kemahiran 3 : Konstruk LINUS K1 Markah : 10 / 155 (gagal)

Jelasnya, berdasarkan modul yang disediakan bagi program Pemulihan Khas Bahasa Melayu, setiap kemahiran tidak boleh ditinggalkan. Akibat pandemik COVID-19 dan PKP, murid lama tidak hadir ke sekolah menyebabkan konstruk LINUS (K7-K12) tidak dapat dijalankan. Namun, melalui program membaca Guru Cilik, sekurang-kurangnya murid OA



berjaya menguasai kemahiran K6, menggunakan kaedah membatang perkataan, walaupun lambat tetapi guru kelas pemulihan lebih gemar menggunakan kaedah tersebut berbanding dengan kaedah fonik untuk membaca bahasa Melayu. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pencapaian murid Tahun 2 dan Tahun 3 tiada perbezaan yang ketara disebabkan keduanya baru belajar mengenal huruf, suku kata, perkataan, asas dalam bacaan bahasa Melayu.



Rajah 4: Murid OA belajar di pondok bacaan yang telah dibina oleh keluarga mereka di dalam kawasan sekolah.

Murid masyarakat OA yang dulunya pemalu, rendah diri dan tidak mahu berinteraksi dengan rakan-rakan Melayu yang lain kesan daripada Program Guru Cilik yang telah dijalankan sepanjang pandemik COVID-19 dan setelah kerajaan Malaysia mengisytiharkan PKP, murid semua tinggal di rumah. Kelas PdPR yang dijalankan oleh pihak sekolah tidak dapat diikuti kerana kekangan tidak mempunyai peranti atau kemudahan seperti telefon bimbit atau komputer menyebabkan pihak sekolah mengorak langkah untuk menjalankan program Guru Cilik kepada murid OA di Perkampungan Kampung Bahru Lenga, Johor. Hasil daripada program tersebut telah mula menampakkan perubahan kepada murid masyarakat OA di SKKB. meningkatkan keyakinan murid OA dan boleh berinteraksi dengan murid lain menggunakan perkataan-perkataan mudah. Setelah murid OA mula mengenal huruf dan menguasai kemahiran-kemahiran dalam bacaan sikap mereka telah mula berubah. Murid OA juga akan mengikut sikap rakan-rakan mereka. Jika rakan-rakan mereka tidak hadir ke sekolah, mereka juga tidak hadir ke sekolah. Jika rakan mereka belajar membaca, walaupun mereka tidak boleh membaca namun mereka tetap akan mengikut tindakan daripada rakan-rakan kaum mereka. Suku kaum Jakun di Kampung Bahru telah pun terintegrasi dengan beberapa kaum lain.

Kini ibu bapa masyarakat OA mula mengambil bahagian untuk mengetengahkan budaya mereka dengan membina pondok bacaan untuk anak-anak OA di SKKB. Pembinaan pondok bacaan di dalam kawasan sekolah, ditambah dengan usaha daripada warga universiti mendokumentasikan perkataan-perkataan dalam bahasa Jakun lalu dijadikan poster dan diletakkan di pondok tersebut. Mereka mula berminat untuk mengenal huruf dan membaca kerana bangga dengan bahasa mereka yang telah diketengahkan kepada masyarakat. Kerjasama daripada ibu bapa masyarakat OA, dengan pihak sekolah, pihak PPD, dan pihak universiti UIAM Kampus Pagoh telah membuahkan hasil terutamanya dari segi kehadiran pelajar ke sekolah.

Jelasnya, usaha pembinaan pondok bacaan bercirikan budaya kaum etnik Jakun di kawasan SKKB dilihat sebagai satu usaha yang berjaya untuk menjalin hubungan dengan pihak ibu bapa murid OA. Usaha menerapkan elemen budaya masyarakat OA seperti yang dicadangkan oleh Norwaliza Abdul Wahab et al. (2015) diharapkan dapat meningkatkan penglibatan murid OA dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang.

Informan juga mengharapkan agar anak-anak mereka akan lebih berjaya dalam pelajaran dan tidak mengikut jejak mereka yang tidak berpelajaran tinggi. Kesedaran sudah mula terjelma di minda masyarakat Orang Asli di Kampung Lenga kesan daripada program yang telah dijalankan sepanjang PKP. Pihak ibu bapa semakin menyokong program-program yang telah disediakan oleh pihak sekolah dan terserlah perasaan bangga apabila pihak sekolah dapat mengekalkan identiti tradisional kaum mereka di kawasan sekolah dengan pembinaan pondok bacaan seperti di Rajah 4.

## PERBINCANGAN

Pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan murid Orang Asli (OA) Jakun menunjukkan sokongan terhadap perkembangan bahasa, pemahaman, kosa kata, dan secara keseluruhan berkesan kepada perkembangan literasi. Membaca lantang dapat meningkatkan kemahiran literasi awal yang penting untuk kejayaan pembacaan pada masa hadapan. Melalui kenyataan tersebut pengkaji mendapati kesan membaca secara lantang murid OA akan memperoleh nilai tambah dari segi perkembangan bahasa dan sosial. Kaedah ini juga dapat menyediakan otak murid OA untuk membangunkan pembacaan dan keseronokan. Dapatan ini disokong oleh (Shedd & Duke 2008; Mahzan Arshad 2016). Melalui kaedah membaca secara lantang, pemahaman murid juga dilihat dapat ditingkatkan melalui bantuan bersama rakan dan ahli keluarga terutama ibu-ibu yang memantau mereka.

Berdasarkan Teori Kajian Pembelajaran Membaca Vygotsky (1886 – 1934) pada peringkat awal murid perlu dibantu secara *scaffolding* untuk berkembang ke peringkat Zon Perkembangan Terdekat (ZPT). Arahan langsung (pengajaran guru) adalah diperlukan oleh murid-murid pada peringkat ini bagi membolehkan mereka mencapai tahap perkembangan yang lebih tinggi. Arahan langsung daripada guru itu, telah terima oleh mereka semasa di sekolah sebelum PKP dilaksanakan. Hal ini disokong dengan pendapat (Dunn dan Dunn (1979), stimulus sosiologi murid dapat dirangsang apabila murid dapat belajar dengan rakan sebaya dan memperoleh maklumat baru atau pengalaman dari persekitaran sepanjang norma baharu ini untuk meningkatkan motivasi murid supaya terus belajar menguasai kemahiran asas membaca dalam bahasa Melayu. Penemuan yang diperoleh melalui program guru cilik ini merupakan satu kaedah yang dapat membantu proses menguasai kemahiran asas membaca dalam suasana yang santai, bersama dengan rakan-rakan dan ahli keluarga mereka. Dapatan ini seiring dengan Gill et al. (2010) yang mengatakan anak-anak Orang Asli menyukai pendidikan yang tidak formal. Apabila kelas dijalankan setiap hari sepanjang pandemik COVID-19 setidak-tidaknya dapat memberikan ruang dan peluang kepada murid OA mengingati perkara yang dipelajari sementara menunggu sekolah dibuka semula secara fizikal.

Namun perkara yang memberangsangkan murid dari program pemulihan semasa di sekolah, telah berjaya menguasai asas membaca dan akan dimasukkan ke kelas arus perdana semasa sekolah telah dibuka. Keberkesanan program guru cilik yang telah dianjurkan oleh pihak sekolah dilihat sebagai satu titik tolak untuk merubah persepsi murid OA. Usaha pihak sekolah melantik ibu-ibu mereka sendiri menjadi guru dengan mengajar membaca anak-anak dari etnik Jakun ini dilihat membuahkan hasil. Hal ini selari dengan pandangan Vygotsky yang menyatakan bantuan orang dewasa untuk membolehkan kanak-kanak memperoleh kemahiran sepenuhnya amat penting, walaupun dalam kalangan ibu-ibu yang dilantik buta huruf namun mereka menyahut cabaran yang diberikan oleh pihak sekolah. Oleh itu, mereka menjalankan tanggungjawab untuk memastikan kelas membaca bahasa Melayu bagi anak-anak mereka dijalankan dengan sebaik mungkin kerana tindakan ibu bapa masyarakat OA sering menjadi ikutan anak-anak mereka.

Secara tidak langsung dapatan kajian ini juga menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Norwaliza Abdul Wahab & Ramlee Mustapha (2015) agar guru menerapkan elemen

budaya masyarakat OA bagi meningkatkan penglibatan, minat, motivasi dan keinginan mereka ke sekolah. Pembinaan pondok bacaan di kawasan sekolah oleh ahli keluarga murid OA sekali gus dilihat sebagai pemangkin kepada murid untuk hadir ke sekolah ditambah dengan kebolehan mereka menguasai asas membaca dari program Guru Cilik sepanjang pandemik COVID-19 fasa 1 dan fasa 2. Penglibatan ibu bapa mereka dalam memberikan kerjasama menjayakan pembinaan pondok bacaan bercirikan elemen budaya mereka dilihat oleh murid OA sebagai satu usaha untuk menarik minat mereka merasai keseronokan ke sekolah.

Selain itu, impak penguasaan kemahiran membaca oleh murid OA terhadap minat mereka untuk kembali ke sekolah juga dapat dilihat apabila mereka sangat gembira membaca di pondok bacaan. Mereka menganggap bahawa membaca di pondok bacaan yang disediakan oleh ahli keluarga mereka, sebagai tempat untuk bersantai-santai sambil bermain-main kerana suasananya seperti di rumah mereka. Semasa sekolah dibuka semula sepanjang April hingga Mei 2021, Guru Cilik tetap meneruskan usaha membimbing rakan-rakannya membaca di pondok bacaan walaupun tidak lagi diselia oleh ibu-ibu mereka. Setelah menguasai kemahiran asas membaca, murid-murid OA akan diserapkan ke aliran perdana. Dengan itu, bantuan *scaffolding* akan dihentikan.

Jelasnya, penemuan-penemuan yang diperolehi daripada kajian ini memberikan sinar baharu kepada murid-murid OA yang selama ini dikatakan tidak mempunyai masa hadapan yang cerah. Pencapaian mereka menguasai kemahiran tertinggi K6 patut diberikan penghargaan kerana murid OA telah berjaya mengenal huruf, suku kata, perkataan dan menguasai kaedah membatang perkataan, walaupun lambat tetapi menunjukkan pencapaian yang baik. Kajian lanjutan ke Tahap 2, Tahap 3 dan Tahap 4 berdasarkan Teori Pembelajaran Vygotsky (1896 -1934) boleh diteruskan bagi melihat perkembangan penguasaan kemahiran membaca bahasa Melayu murid OA kaum Jakun.

## KESIMPULAN

Implikasi daripada program Guru Cilik yang dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sepanjang pandemik COVID-19 telah melayakkan murid dari kelas pemulihan kecuali murid yang berkeperluan khas masalah pembelajaran untuk diserapkan ke kelas arus perdana tahap 2 kerana melepasi 3 kemahiran dan 2 konstruk. Walaupun pencapaian mereka hanya asas dalam bacaan bahasa Melayu, baru dapat mengenal huruf, suku kata, perkataan, menyebut suku kata terbuka (huruf vokal) dan suku kata tertutup namun pencapaian dikategorikan sebagai satu pencapaian besar yang terhasil sepanjang PKP. Murid masyarakat OA dikatakan rajin belajar dengan rakan sebaya yang dipantau sepenuhnya oleh ibu bapa mereka sendiri. Keinginan untuk belajar membaca lebih tinggi kerana menggunakan kaedah yang sesuai dengan jiwa mereka terutama murid-murid yang lemah. Suasana pembelajaran yang berbeza daripada di sekolah telah menarik perhatian murid OA dan sikap mereka lebih mematuhi arahan yang diberikan oleh ibu bapa mereka sendiri daripada guru di sekolah merupakan penyuntik semangat untuk mereka meneruskan pembelajaran membaca.

Penerapan elemen budaya masyarakat Orang Asli (OA) Jakun dengan pembinaan pondok bacaan di kawasan sekolah juga dapat meningkatkan motivasi murid OA untuk hadir ke sekolah. Kesan daripada kebolehan mereka membaca walaupun pada peringkat asas bahasa Melayu dapat mengurangkan sikap rendah diri, mudah lupa bagi meneruskan kelangsungan proses pembelajaran di sekolah. Hasil kajian ini juga boleh disebarluaskan kepada murid OA di Malaysia dengan menjalankan kajian untuk menguasai kemahiran menulis kerana kedua-dua kemahiran ini perlu dikuasai secara formal di sekolah. Asas membaca juga perlu dimantapkan supaya mengekalkan momentum dan minat murid OA untuk terus belajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Diharapkan program-program yang telah dilaksanakan semasa

PKP dapat menemukan titik kesedaran dalam kalangan murid OA untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka pada masa akan datang.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Sekolah Kebangsaan Kampong Bahru (SKBB), terutama Guru Besar Puan Norhaimi Binti Said, Cikgu Zaim (guru Kelas Pemulihan), ibu bapa murid masyarakat orang asli (OA) Kampong Bahru Lenga, Johor dan murid-murid masyarakat OA Tahun 2 dan Tahun 3 atas kerjasama yang diberikan bagi menyiapkan penulisan jurnal ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Ruslan. 2018. Penilaian pelaksanaan program Linus dalam kalangan murid Orang Asli di Perak. Tesis PhD. Universiti Utara Malaysia.
- Anderson, T., Annand, D., & Wark, N. 2005. The search for learning community in learner paced distance education: Or, 'Having your cake and eating it, too!' *Australasian Journal of Educational Technology* 21(2): 222-241.
- Creswell, J.R. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. 3th Edition. London: SAGE Publication.
- Dunn, R.S. Dunn.K. J. & Price, G.E.1979. Identifying and individual learning styles. Dalam Kee J.W. (Ed). *Student learning style: Diagnosing and prescribing program*. Hlm 39. 54 Reston, VA: National Association of Secondary School Prinsipals.
- Eva Luthfi Fakhru Ahsani. 2020. Strategi Orang Tua dalam Mengajar dan Mendidik Anak dalam Pembelajaran At The Home Masa Pandemik Covid-19. Institut Agama Islam Negeri Kudus.
- Gill, S.S, Rosnon, M.R., & Redzuan, M.R. 2010. Acculturation of Consumerism among the Orang Asli Comunity in Jelebu, Negeri Sembilan. *Pertanika J. Soc.Sci. & Hum.* 18 (2): 321 – 331 (2010)
- Haney, M., & Hill, J. 2004. Relationships between Parent-Teaching Activities and Emergent Literacy in Preschool Children. *Early Child Development and Care*, 174, 215-228.
- Haslinda Tahir Shah, Lilia Halim, Zanaton Iksan. 2015. Kaedah Bermain dalam Meningkatkan Minat Murid Orang Asli Terhadap Sains. *Internasional Conference on Language, Education, and Innovation (ICLEI 16 – 17 Mac 2015 62 HASLINDA BT TAHIR Shah*.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. 2016. Suku Kaum / Bangsa. Muat turun daripada : <http://www.jakoa.gov.my>
- Mahzan Arshad. 2016. *Prinsip dan Amalan dalam Pengajaran Literasi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan Arshad. 2015. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu. Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mahzan Arshad. 2016. *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*. Tanjung Malim. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil, & Rosmiza Mohd Zainol. 2014. Mengupas keciciran pelajar Orang Asli di Malaysia: Suatu tinjauan ke dalam isu aksesibiliti sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space* 10 (2):189 – 198.
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi & Mohd Nasiruddin Mohd Nor. 2018. Kesedaran Pendidikan dan minat kerja pelajar orang Orang Asli suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 14 (1): 72-86.

- Nur Bahiyah Abdul Wahab, Maryati Mohamed, Mohd Zairi Husain & Mohd Najib Haron. 2015. The Development of Science Knowledge Indicators among Indigenous Pupils. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 172: 398-404
- Nurul Jamilah Rosly dan Nur Zainiyah Norita Mokhtar. (2021). Mendepani Cabaran Literasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli Jakun Lenga, Johor: Satu Tinjauan. *Proceeding of the 4th Internasional Conference of Languages, Education and Tourism 2021. Language, Education and Tourism – Embracing Changes and Challenge Internasional Islamic University Malaysia. 28th -30th Jun 2021.* 19 - 74
- Norwaliza Abdul Wahab & Ramlee Mustapha. 2015. Reflections on Pedagogical Curriculum Implementation at Orang Asli Schools in Pahang. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 172: 442– 448
- Norwaliza Abdul Wahab, Ramlee Mustapha & Jasmi Abu Talib. 2016. Membangun modal insan Orang Asli: Kajian peranan dan penentuan matlamat pendidikan dalam kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli di Kuantan Pahang. *GEOGRAFI Online TM Malaysian Journal of Society and Space* 12(3): 1-10.
- Shedd, M.K., & Duke, N.K. 2008. The power of planning: developing, effective read-alouds. Beyond the journal: Young children on the web. diambil dari [http://scholar.google.com/scholar?q=Sheed%2C+%26+Duke%2C+N.k.+%282008%29.+The+power+of%3a+developing+effective+read-+alouds.+&btnG=&&hl=en&as\\_sdt=0%2C5&as\\_vis=1](http://scholar.google.com/scholar?q=Sheed%2C+%26+Duke%2C+N.k.+%282008%29.+The+power+of%3a+developing+effective+read-+alouds.+&btnG=&&hl=en&as_sdt=0%2C5&as_vis=1)
- Teo Kok Seong. 2021. Webinar: Bengkel Penyelidikan Bagi Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. (10 Mac 2021).
- Vygotsky L.S. 1935. *Mind in Society. The Development of Higher Psychological Processes.* Cambridge. Harvard University Press.
- Vygotsky, L.S.C. 1978. *Mind in society. The Development of Higher Psychological Processes.* (New edition, edited by M.Cole, V. John Steiner, S. Scribner and E.Souberman). Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin & Mohd Zaki Abd. Rahman. 2021. Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Murid-murid B40 dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>

NORA'AZIAN NAHAR\*

Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM),  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Malaysia

NURUL JAMILAH ROSLY

Jabatan Bahasa Melayu, Kulliyah Bahasa dan Pengurusan (KLM),  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Pagoh, Malaysia

\*Pengarang untuk surat-menyurat: [noraazian@iium.edu.my](mailto:noraazian@iium.edu.my)

Received: 19 August 2021 / Accepted: 13 October 2021 / Published: 9 December 2022